

SH 18/4/09 m/s T4

# Hasil kajian UMT bakal dipasar pada skala besar



● Aziz (lima dari kiri) bergambar bersama 24 pelajar dari China yang bakal mengikuti Kursus Pra Siswazah Ekonomi dan Pengurusan di UMT.

## NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA NERUS** – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam proses terakhir untuk menubuhkan syarikat UMT Holding bagi membolehkan produk penyelidikannya dipasarkan dengan lebih teratur selewat-lewatnya Julai tahun ini.

Naib Canselornya, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, syarikat itu akan diuruskan mereka yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan manakala penyelidik diberi peranan sebagai pemegang syer dalam perusahaan berkenaan.

“Sememangnya telah menjadi hasrat kita sejak sekian lama untuk menubuh-

kan syarikat sebegini agar kesemua hasil penyelidikan dapat dipasarkan pada skala lebih besar.

“Saya yakin dengan suasana ekonomi masa kini, aktiviti sebegini sangat digalakkan kerana ia bukan sahaja memberi pulangan lumayan kepada pihak universiti tetapi penyelidik terlibat turut mendapat manfaat yang sama,” katanya kepada pemberita pada sidang media selepas Majlis Ramah Mesra Pelajar Antarabangsa dari China, di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Dekan Penyelidikan dan Inovasi (HEPI), di sini.

Sementara itu, seramai 24 pelajar iaitu 19 lelaki dan lima perempuan bakal mengikuti Kursus Pra Siswazah Eko-

nomi dan Pengurusan selama kira-kira empat bulan.

“Sebelum ini kita pernah mengambil pelajar dari Indonesia dan tidak mempunyai banyak masalah untuk menguruskan mereka memandangkan budaya dan bahasa yang digunakan hampir sama. Bagaimanapun bagi pengambilan (pelajar dari China) kali ini, kita akan memberi lebih perhatian kerana perbezaan budaya yang agak ketara terutama daripada segi pemakaian.

“Oleh kerana kedudukan universiti kita terletak di kawasan kampung, cara pemakaian bersesuaian perlu diberi penekanan namun kita tidak lihat ia menjadi masalah besar,” katanya.